

22/10/2003

Media Barat pantang Yahudi dikritik

LAPORAN ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Khamis lalu oleh pelbagai media Barat dan antarabangsa yang sengaja memberi gambaran seolah-olah beliau seorang bersifat perkauman dan anti-Yahudi, adalah sesuatu yang tidak menghairankan.

Stesen TV, akhbar dan agensi berita mereka memang suka memberi label menjelekan terhadap seseorang pemimpin dunia ketiga yang mereka tidak senangi dengan mengambil sedutan ucapan pemimpin itu di luar konteks bertujuan mengaibkan mereka.

Cara beginilah yang lazim media Barat lakukan terhadap pemimpin dunia ketiga lebih-lebih lagi terhadap Dr Mahathir yang diketahui tidak disukai mereka hanya kerana pandangan dan analisisnya mengenai ketidakadilan tindak tanduk negara maju dalam pelbagai isu antarabangsa amat tepat sekali.

Apa yang lebih menyentak media antarabangsa itu adalah kelantangannya serta pandangan dan hujah yang diutarakannya adalah betul hinggakan sukar bagi mereka untuk menangkisnya.

Demikian juga pandangannya terhadap media Barat turut menjauhkannya lagi dengan wartawan itu. Ada di antara wartawan itu termasuk rakyat Malaysia sendiri yang makan gaji dengan agensi dan media antarabangsa yang berpendirian sama, turut tidak menyukai beliau dan tidak akan melepaskan peluang memberi tanggapan yang amat negatif sekali terhadapnya.

Itulah juga sebabnya kenapa pendapat dan pandangan beliau yang bernas di pelbagai persidangan dan perjumpaan antarabangsa termasuk ucapan-ucapannya pada i Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak mendapat tempat atau liputan sewajarnya di akhbar-akhbar perdana Amerika, Britain atau Australia.

Kalau ada pun yang diberi tumpuan adalah hal-hal yang remeh dan yang boleh menimbulkan kontroversi. Inti pati pandangan dan hujahnya dalam ucapan itu akan diketepikan saja.

Inilah caranya media antarabangsa membuat liputan dengan memilih-milih apa yang hendak disiarkan biasanya kenyataan yang menggemparkan dan penuh sensasi. Kenyataan itu akan dieksploitasi secukupnya dengan mendapatkan pandangan pemimpin mereka untuk membidas orang yang membuat kenyataan itu.

Cara pemberitaan beginilah yang mereka berusaha pupuk di kalangan wartawan tempatan melalui kursus dan buku teks terbitan mereka mengenai kewartawanan yang banyak digunakan oleh institusi kewartawanan dan pusat pengajian tinggi yang menawarkan pengajian kewartawanan.

Sememangnya ada beberapa orang Malaysia sendiri yang mengambil sikap demikian. Tentunya mereka akan mempertahankan laporan demikian ini sebagai objektif, padahal hakikatnya mereka bersikap berat sebelah.

Inilah apa yang berlaku terhadap liputan ucapan Dr Mahathir. Agensi berita Amerika Associated Press (AP) yang pertama sekali mengedarkan berita mengenai pandangan Dr Mahathir terhadap kedudukan Yahudi itu ke seluruh dunia melalui rangkaianannya hanya sejurus selepas Perdana Menteri selesai menyampaikan ucapannya.

Corak pemberitaan begini juga disiarkan oleh sebuah lagi agensi berita antarabangsa Agence France Presse (AFP) yang tidak mahu ketinggalan dengan menyebut Dr Mahathir sebagai berkata Yahudi menguasai dunia dan dipetik pula oleh akhbar dan stesen TV. Rangkaian TV antarabangsa CNN tidak ketinggalan juga menggambarkan Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi.

Keesokkannya akhbar International Herald Tribune yang membuat laporan dari Singapura menuduh Perdana Menteri telah melatah dengan sikap perkaumannya yang anti-Yahudi.

Akhbar perdana Amerika, The New York Times pula menyiarkan reaksi dari Kesatuan Eropah dengan memetik pandangan menteri luar Itali, Franco Frattini yang menganggapnya sebagai jelek dan anti-Yahudi. Tetapi akhbar itu tidak pula menyiarkan ucapan Dr Mahathir.

Sebagaimana biasa media Barat amat pantang sekali dengan sesiapa yang mengkritik Yahudi dan tidak hairanlah berikutan dengan liputan begitu nadanya terhadap Dr Mahathir ramailah pemimpin dunia mengecam beliau dengan melabelkannya sebagai anti-Yahudi.

Kenyataannya sebelum ini mengenai Yahudi serta bagaimana mereka berjaya memanipulasi kedudukan kewangan dunia ditimbulkan kembali bagi mengukuhkan lagi tuduhan bahawa sememangnya Dr Mahathir seorang perkauman yang anti-Yahudi.

Walaupun inti pati keseluruhan ucapannya berkisar kepada pentingnya umat Islam yang kini berpecah belah bertindak dengan waras untuk menebus kembali maruah diri dengan menggunakan akal fikiran dan tidak saja dengan tenaga, tidak pula mendapat tempat.

Demikian juga ungapannya yang jelas menentang keganasan yang beliau sebut sebagai bertentangan dengan Islam, juga tidak disebut. Apa yang menarik sebagai bahan berita bagi mereka itu ialah ungapannya Yahudi walaupun berjumlah sekitar enam juta orang saja, tetapi telah berjaya menguasai dunia secara proksi.

Apakah yang mendorong mereka menjadi begitu sensitif sekali apabila soal kekuasaan Yahudi ditimbulkan? Apakah Yahudi suatu bangsa yang begitu keramat sekali hingga tidak boleh disentuh? Apakah sebenarnya yang membawa kepada keadaan begini sehingga bangsa Yahudi tidak boleh ditegur?

Media arus perdana Barat secara keseluruhannya tidak boleh terima sebarang kritikan terhadap orang Yahudi dan tidak melepaskan peluang memutar belitkan laporan untuk memberi gambaran jelek terhadap orang yang membuat kritikan.

Demikianlah halnya apabila Dr Mahathir menyentuh bagaimana orang Yahudi telah berjaya mempengaruhi dunia Barat hinggakan dapat membuat kuasa besar unggul di dunia, Amerika mengikut telunjuknya untuk bertindak terhadap negara Islam seperti Iraq, mereka dengan sengaja membesarkan isu itu dengan menggambarkan Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi.

Yang jelas tidak ada siapa pun yang menafikan kenyataan Dr Mahathir itu. Kesimpulannya tuduhan Dr Mahathir itu tepat sekali. Apa tidaknya. Lihat saja reaksi yang tidak masuk akal pentadbiran Bush terhadap apa yang sedang berlaku di Palestin.

Pejuang berani mati Palestin dianggap sebagai pengganas kerana bertindak ke atas orang awam, tetapi tindakan keganasan rejim Yahudi Israel yang bertindak membunuh keluarga pejuang Palestin termasuk kanak-kanak serta memusnahkan rumah mereka serta kawasan lain di persekitarannya dianggap munasabah.

Israel boleh melakukan apa saja dan bermaharajalela hanya kerana ia mempunyai kekuatan persenjataan yang dibangunkan dengan pertolongan Amerika. Apakah ini bukan kerana pengaruh Yahudi yang telah dapat meresapi pentadbiran Bush hingga membutakan mata terhadap pelbagai kezaliman yang dilakukan terhadap rakyat Palestin?

Kekuasaan mereka ini adalah sejajar dengan strategi kaum Yahudi yang sememangnya mempunyai matlamat untuk mendominasi dan menguasai dunia. Bibit-bibitnya sudah pun ditanam. Dua institusi terpenting dalam usaha mereka mencapai matlamat ini ialah media dan sektor perbankan. Kini mereka sudah pun menguasai kedua-dua institusi itu pada peringkat antarabangsa.

Hanya Islam saja yang dapat menangkis ancaman mereka itu dan ucapan Dr

Mahathir di Putrajaya itu harus dilihat dari perspektif ini.